

Manual Cepat Bertutur

JORDAN
DIALEK

Roslan Ali

Arkib
PJ
6709
R821
2016

P. KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000272086

Manual Cepat Bertutur

JORDAN

DIALEK^D

— Roslan Ali —

Unit Penyelidikan dan Pengajaran Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Manual Cepat Bertutur

JORDAN

DIALEK^D

— Roslan Ali —

Roslan Ali

Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan

© Roslan Ali, 2016

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Diterbitkan di Malaysia oleh

UNIMAS Publisher,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan,
Sarawak, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh

Malien Press Sdn. Bhd.
G/FL Lot 184, Section 49,
Jalan Abell, 93100 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing-in-Publication Data

Roslan Ali

Manual Cepat Bertutur DIALEK JORDAN / Roslan Ali.

Includes Index

Bibliography: page 73

ISBN 978-967-5527-99-9

1. Arabic language--Dialects--Jordan.

2. Arabic language--Conversation and phrase books.

I. Judul.

492.78207

ISI KANDUNGAN

Jadual transliterasi	vii
Prakata	xi
Panduan	xiii
Informasi am	xvii
Informasi adat dan budaya	xxi
Bab 1 - Kata Tanya	1
Bab 2 - Nombor Kardinal	3
Bab 3 - Ganti Nama	7
Bab 4 - Anggota Keluarga	9
Bab 5 - Berkenalan	11
Bab 6 - Ziarah	15
Bab 7 - Di Ruang Tamu	17
Bab 8 - Di Dapur	19
Bab 9 - Di Bilik Tidur	23

Bab 10 - Di Bilik Mandi	27
Bab 11 - Memberitahu Jemputan	29
Bab 12- Persiapan Sebelum Memenuhi jemputan	33
Bab 13 - Bertamu Di Rumah Arab	37
Bab 14 - Bertanya Arah	43
Bab 15 - Nama-nama Penyakit	47
Bab 16 - Menyatakan Penyakit	49
Bab 17 - Berbual Dalam Telefon	51
Bab 18 - Di Kedai Makan	55
Bab 19 - Meluah Kemarahan	59
Bab 20 - Menyatakan Kesedihan	61
Bab 21 - Memberitahu Keadaan Cuaca	63
Bab 22 - Di Bengkel	65
Bab 23 - Kosa Kata Umum	67
Rujukan	73
Indeks	75

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	,	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	ḥ	حديث	ḥadīth
خ	kh	خالد	khālid
د	d	ديوان	dīwān
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمان / رحمن	rahmān

ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سرّاب	sarāb
ش	sh	شمس	shams
ص	ṣ	صبر	ṣabr
ض	ḍ	ضمير	ḍamīr
ط	ṭ	طاهر	ṭāhir
ظ	ẓ	ظهر	ẓuhr
ع	ʿ	عبد	ʿabd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qāḍi
ك	k	كاس	ka's
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمّار	mizmār

ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبط	habāṭa
و	w	وصل	waṣl
ي	y	يسار	yasār

PRAKATA

Buku Manual Cepat Bertutur Dialek Jordan ini bermaksud memberi tunjuk ajar mengenai cara mempelajari sesuatu bahasa yang bersifat percakapan atau juga disebut bahasa basahan. Bahasa basahan ialah bahasa pertuturan harian dalam konteks tidak rasmi. Bahasa ini tidak mementingkan unsur tatabahasa. Sebaliknya, apa yang dipentingkan ialah kefahaman antara penutur dengan pendengar. Oleh sebab itu, ia tidak digunakan dalam tulisan atau ucapan rasmi. Bentuknya pula sering dipengaruhi oleh dialek dan slanga daerah. Bahasa basahan juga termasuk dalam bahasa pasar, bahasa kolokial atau bahasa tidak rasmi kerana penggunaan bahasanya yang ringkas dan tidak mengikuti ejaan sepenuhnya. Apabila bahasa basahan ini dikaitkan dengan dialek Jordan bererti ia merangkumi bahasa-bahasa yang difahami oleh seluruh bandar di Jordan dan juga negara-negara di sekitarnya seperti Syria, Lubnan dan Palestin. Oleh hal yang demikian, tidak hairan kalau bahasa ini diklasifikasikan dalam *اللهجة الشامية* atau *Levantine Arabic/ Eastern Arabic*.

Apa yang menarik dalam buku ini ialah ia memuatkan kosa kata dalam Dialek Jordan (DJ) berserta dengan kosa kata dalam Bahasa Arab Standard (BAS). Tujuannya agar para pelajar dapat melihat perbezaan dan persamaan yang wujud di antara kedua-duanya. Selain itu, perbualan-perbualan dan frasa-frasa lazim dalam DJ juga dikemukakan bagi memberi peluang kepada pelajar berlatih dan mempelajari gaya bahasa DJ dengan lebih berkesan. Buku ini turut menyediakan panduan yang amat berharga kepada pengguna bahasa, penceramah atau para pelajar yang ingin mempelajari dialek ini dengan lebih cepat sebelum menjejakkan kaki mereka ke Negara Timur Tengah, terutamanya Jordan kerana menjadi adat kebiasaan bagi para pensyarah di sana menggunakan DJ sebagai bahasa pengantar, sementara buku teksnya pula dalam BAS. Keadaan inilah yang menyukarkan para pelajar untuk menyalin nota dan memahami apa yang disampaikan oleh pensyarah.

Tambahan pula, buku ini dilengkapi dengan transliterasi dalam tulisan rumi bagi memudah khalayak pembaca mengenal dan membezakan huruf dan tanda panjang. Buku ini juga menerapkan gaya penulisan bahasa Arab Dialek Jordan (DJ) yang berbeza dengan gaya Bahasa Arab Standard (BAS).

Akhir kata, penerbitan buku ini diharapkan dapat memberi manfaat dan pendedahan awal kepada para pelajar Malaysia yang akan menjejakkan kaki mereka ke Timur Tengah, iaitu ke bumi Anbiya, khususnya Jordan agar silaturahmi dan muamalat yang terjalin antara mereka dengan penduduk tempatan akan bertambah erat dan mesra dengan mengetahui bahasa pertuturan rakyat di negara tersebut.

PANDUAN

Terdapat tiga (3) perbezaan ketara dalam Bahasa Arab Standard (BAS) dengan Dialek Jordan (DJ). Pertama, **penukaran huruf dalam perkataan**. Kedua, **pembuangan huruf dalam perkataan**. Ketiga, **pembuangan dan penukaran huruf dalam perkataan**. Contohnya seperti berikut.

Penukaran huruf dalam perkataan:

1. Konsonan ق (Qaf) untuk perkataan قهوة (qahwah) akan bertukar menjadi konsonan ك (Ga) lalu menjadi كهوة = (gahwah).
2. Konsonan ص (Sad) untuk perkataan صغير (ṣāghīr) akan bertukar menjadi konsonan ز (Zai) lalu menjadi زغير (zaghīr).
3. Konsonan ث (Tha) untuk perkataan مثلا (mathalan) akan bertukar menjadi konsonan س (Sin) lalu menjadi مسلا (masalan). Kadang kala, boleh juga menjadi konsonan ت (Ta) seperti تلاته (talata).
4. Konsonan ض (Dad) untuk perkataan مضبوط (maḍbūt) akan bertukar menjadi konsonan ظ (Za) lalu menjadi مذبوط (mazbūṭ) atau kadang kala, boleh juga menjadi konsonan ز (Zai) seperti مزبوط
5. Konsonan ظ (Zay) untuk perkataan ظن (ẓan) akan bertukar menjadi konsonan ز (Zai) lalu menjadi زن (zan). Kadang kala, boleh juga menjadi konsonan ض (Ḍal) seperti ظل (ẓal) menjadi ضل (Ḍal).
6. Konsonan ذ (Dhal) untuk perkataan ذكر (dhazakara) akan bertukar menjadi konsonan ز (Zai) lalu menjadi زكر (zakara). Kadang kala, boleh juga menjadi konsonan د (Dal) atau ظ (Za) seperti perkataan هذا (Hadha) menjadi هدا (Hada) atau هظا (Haza).

Pembuangan huruf dalam perkataan:

1. Konsonan **hamzah** tidak diperlukan dalam DJ apabila ia berada di akhir perkataan. Contohnya;

BA	DJ
دَوَاء	دَوَا
مَسَاء	مَسَا
غَدَاء	غَدَا

Pembuangan dan penukaran huruf:

1. Konsonan hamzah dibuang dan ditukarkan kepada konsonan waw jika berada di awal perkataan seperti **أين** menjadi **وين**.
2. Ta'marbutah dalam BAS adakalanya dibuang dan ditukarkan kepada alif dan ya seperti **عربة** menjadi **عرباي**.
3. Adakala juga perkataan yang mempunyai alif dan hamzah dibuang serentak dan ditambah dengan huruf ya seperti berikut:

BA	DJ
حَائِط	حَيْط
عَائِلَة	عَيْلَة
مَائِل	مَيْل

Vokal Panjang

Terdapat tiga (3) vokal panjang dalam bahasa Arab, iaitu **Alif**, **Waw** dan **Ya**. Apabila ditransliterasikan ke dalam bahasa Melayu, **Alif** mengambil tempat (a), **Waw** menjadi (o/u) dan **Ya** menjadi (i/e). Contoh:

Perkataan dalam BA	Transliterasi
راح	Rāh
روح	Roh/Rūh
ريح	Rīh/Reh

Alif Lam

Alif Lam jika ditransliterasikan ke dalam bahasa Melayu boleh dieja dengan (al) atau (el). Contohnya, al-madrasa/el-madrasa.

Ta Marbuta (ة)

Dalam sistem DJ, ta'marbuta (ة) tidak perlu ditulis atau digantikan dengan konsonan (h) di akhir perkataan yang mengandunginya kerana ia hanya wujud dalam tulisan sahaja dan tidak perlu dibunyikan atau digantikan dengan huruf (h). Sebagai contoh, perkataan المدرسة akan ditulis dengan *el-madrasa* sahaja.

Bacaan Wakaf

Dalam sistem DJ, tanda bunyi di akhir setiap perkataan hendaklah disenyapkan.

Tatabahasa DJ

Dalam kebanyakan hal, huruf **ب** ditambah di awal kata kerja kala kini (present tense). Sementara perkataan **عم** pula berperanan sebagai ---ing dalam bahasa Inggeris dan diletakkan sebelum kata kerja tersebut. Sebagai contoh;

عَنْ مِينِ عَمِ بِتَحِيٍّ؟ مَحْسُوبِكْ؟

Terjemahannya:

Awak bercakap tentang siapa? Sayakah?

وَيْنِ عَمِ بِتُدْرُسْ هَلَا؟

Terjemahannya:

Di mana awak belajar sekarang?

Baris Pada Perkataan

Kebanyakan baris dalam DJ berbaris bawah.

Contohnya, **مِسْتَعْجِلْ، مِسْتَحِيٍّ**

Gantinama

Tidak seperti BAS, dalam DJ tidak wujud kata duaan atau apa yang dipanggil *muthanna*. Masyarakat Arab menggunakan kata tunggal dan kata jamak sahaja dalam perbualan dan komunikasi harian mereka.

INFORMASI AM

Jordan atau dalam bahasa Arabnya disebut الأردن (al-Urdun) bermaksud curam atau condong. Juga, digelar ملتقى العرب (multaqa al-Arab) yang bermaksud 'tempat pertemuan bangsa-bangsa Arab'. Hal ini dikatakan demikian kerana iklimnya yang nyaman selain musim panas menjadikannya tempat tumpuan orang-orang Arab di Timur Tengah untuk datang bercuti. Jordan terletak di bahagian barat daya Asia, barat laut semenanjung Arab, pantai timur Laut Tengah; di sebelah utara bersempadan dengan Syria, sebelah timur dengan Iraq dan Arab Saudi, sebelah barat dengan Israel atau Palestin. Persisiran pantainya ada dua, iaitu Pantai Laut Mati dan Pantai Teluk Aqabah. Panjang kedua-dua pantai tersebut hanya 26 km sahaja.

Ibu Negara

Amman ialah ibu negara Jordan. Sebelum itu dikenali dengan nama Philadelphia bersempena dengan nama maharaja Rom yang bernama Philaelphus. Ia merupakan kota yang sangat tua dan bersejarah.

Keluasan dan penduduk

Jordan mempunyai keluasan seluas 89, 342 km persegi meliputi bukit bukau, tanah-tanah mendatar dan padang pasir yang luas. Mempunyai dua wilayah; iaitu Tebing Barat dan Tebing Timur yang hanya terpisah oleh Sungai Jordan. Sebelum Tebing Barat dirampas oleh Bani Israel dalam perang Arab-Israel pada tahun 1967, keluasan Jordan mencapai 97,748 km persegi. Namun semenjak Israel menguasai Tebing Barat yang didiami oleh satu perempat penduduk Jordan, menjadikan keluasan negara itu semakin kecil. Sementara, Tebing Timur yang dikenali dengan Trans Jordan pula jauh lebih luas daripada Tebing Barat yang merupakan bahagian dari Palestin. Penduduk Jordan berjumlah lebih daripada 6.3 juta. Namun 2 juta daripadanya terdiri daripada orang pelarian Palestin.

Iklim dan Cuaca

Kawasan barat Jordan beriklim Mediterranean, iaitu panas dan kering ketika musim panas; sejuk dan lembab ketika musim sejuk. Suhunya mencecah 35 darjah celcius ketika musim panas dan 15 darjah celcius ketika musim sejuk. Salji turun dengan lebatnya di sesetengah tempat seperti Amman, Ajlun dan Karak.

Cuti Umum

Jumaat dan Sabtu merupakan cuti umum mingguan bagi semua kakitangan kerajaan. Namun, permis-permis perniagaan tetap dibuka setiap hari.

Perbezaan Waktu antara Malaysia dengan Jordan

Malaysia 6 jam lebih awal daripada waktu Jordan ketika musim sejuk dan 5 jam lebih awal ketika musim panas.

Waktu Bekerja

Bagi jabatan dan pejabat kerajaan mulai jam 8.00 AM sehingga 3.00 PM. Manakala bank mulai 8.30 AM sehingga 3.00 PM.

Mata Wang

Dinar Jordan merupakan mata wang yang digunakan di Jordan. Kadar tukarannya dengan ringgit Malaysia atas nisbah 1DJ bersamaan dengan 5RM. Not wang kertasnya pula ada yang bernilai DJ50, DJ20, DJ10, DJ5 dan DJ1. Dinar Jordan ini sukar diperoleh di Malaysia. Pelajar atau pelancong hendaklah menukar ringgit Malaysia kepada Dollar Amerika sebelum ke sana.

Agama

97% penduduk Jordan beragama Islam, sementara 3% lagi beragama Kristian.

Pengangkutan

Taksi, coaster, kereta sapu (servis) dan bas persiaran banyak digunakan oleh pelancong asing di Jordan. Manakala, penduduk tempatan, mereka memiliki kereta selain juga menggunakan perkhidmatan di atas.

Bahasa Rasmi

Bahasa Arab merupakan bahasa rasmi Jordan. Bahasa pertuturan harian mereka disebut bahasa 'Ammiah, sementara bahasa Fushah hanya digunakan dalam media massa dan media cetak.

INFORMASI ADAT DAN BUDAYA

1. Dalam masyarakat Arab Jordan, kadang-kadang sesuatu ungkapan itu tidak perlu diluahkan melalui kata-kata. Cukup dengan bahasa badan (body language) atau gerak isyarat (gesture) seperti menguncup jari-jemari tangan dan menghadapkannya ke atas sebagai isyarat yang bermaksud 'tunggu sebentar' atau 'tolong bersabar'.
2. Jawapan La (tidak) dalam bahasa Arab tidak cukup diucapkan sekali sahaja oleh tetamu bila berkunjung ke rumah orang Arab ketika dihidangkan makanan dan minuman kerana sudah menjadi kebiasaan mereka memastikan tetamu yang hadir mestilah kenyang. Mereka akan sering meminta tetamu untuk menambah makanan atau minuman. Sekiranya tetamu merasa kenyang, hendaklah diucapkan perkataan La berulang kali sambil ditambah dengan sumpah wallahi (demi Allah). Setelah itu, barulah mereka puas hati dan membenarkan makanan dan minuman diangkat ke dapur.
3. Untuk menolak atau menyatakan enggan, masyarakat Arab juga mengungkapkannya melalui bahasa isyarat, iaitu dengan membuat sedikit bunyi dalam mulut sambil mendongakkan kepala atau mengangkat sedikit kening ke atas.
4. Membawa buah tangan semasa berkunjung atau memenuhi jemputan makan di rumah orang Arab merupakan semacam satu kemestian bagi menzahirkan penghargaan kepada tuan rumah.
5. Sekiranya anda dihidangkan dengan teh dan anda telah meminumnya, tetapi tuan rumah masih lagi mahu menuangkannya kepada anda. Anda ada dua pilihan, pertama, mengatakan tidak berulang kali sambil diiringi dengan sumpah seperti *wallahi*. Kedua, menggunakan gerak

- isyarat seperti menggoyang-goyangkan cawan beberapa kali bagi menandakan anda tidak mahu lagi.
6. Perkahwinan di negara Arab ditanggung sepenuhnya oleh pihak lelaki, bermula daripada memberi mahar kepada pengantin perempuan, barang kemas berupa emas, jurugambar, pelamin, berdandan di salun, majlis berinai sehinggalah kenduri-kendara.
 7. Apabila kita menaiki teksi di Jordan dan meminta pemandunya supaya berhenti, ucapan yang biasa digunakan adalah *Allah yuktikal afiah, 'andak* atau *Allah yazwi*. Mendengar ucapan tersebut, secara langsung pemandunya memahami kehendak penumpang.
 8. Sejak zaman kanak-kanak lagi, masyarakat Arab suka dan amat menganjurkan untuk mengekspresikan kekuatan suara mereka dengan menangis dan berteriak. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan memberi latihan sebegitu akan menjantankan mereka atau anak-anak mereka. Selain itu, amalan berkhitan atau bersunat juga dilakukan sejak bayi lagi supaya bayi cepat matang di samping dapat menjaga kebersihan tubuh badan. Tiada istilah menanggung najis jika bayi disunat pada usia awal kerana itu Rasulullah SAW tidak mengulang solatnya apabila Hasan dan Husin menaiki belakangnya ketika sujud.
 9. Masyarakat Arab Jordan jarang menggunakan perkataan *shukran* (terima kasih) bagi menzahirkan penghargaan terhadap sesuatu pertolongan yang diterima. Sebaliknya, mereka lebih suka menggunakan ungkapan *barakallahu fik* (Semoga Allah memberkatimu).
 10. Ketika bertamu di rumah orang Arab dan apabila dihidangkan dengan minuman kopi, merupakan simbolik bahawa masa untuk tetamu pulang ke rumah sudah tiba.
 11. Masyarakat Arab sangat menjaga wanita mereka daripada orang luar. Apabila berada dalam bas, keutamaan diberikan kepada orang tua, ibu mengandung dan juga kepada kaum wanita, sama ada masih bujang atau sudah berkahwin. Kaum lelaki lebih rela berdiri daripada duduk kerana bagi mereka sifat pentingkan diri adalah sangat tidak baik dan harus dibuang jauh-jauh.
 12. Makan tengah hari dianggap sebagai makanan utama dan semestinya berat, sementara sarapan dan makan malam pula memadai secara ringan sahaja.

13. Budaya mencium pipi kepada tetamu atau kenalan lama yang sudah lama tidak berjumpa menunjukkan betapa mereka menghormati, merindui, menyayangi orang tersebut. Perlakuan demikian hanya berlaku sesama jantina, sama ada antara lelaki dengan lelaki atau wanita dengan wanita atau boleh juga berlainan jantina sekiranya ada hubungan mahram.
14. Tidak menjadi satu kesalahan bagi orang Arab untuk meletak roti yang menjadi makanan mereka di atas lantai yang beralas atau di atas paha mereka ketika duduk makan. Bagi mereka, meletak roti dalam pinggan tidak dilihat praktikal. Sebaliknya, atas lantai yang bersih atau berlapik kelihatan lebih santai dan dapat menambah selera jika dimakan beramai-ramai dengan ahli keluarga.

01

KATA TANYA

Kosa kata	DJ	Transliterasi	BAS	Transliterasi
Apa	إيش / شُو	Esh / Shū	مَا	Mā
Siapa	مِين	Mīn	مَنْ	Man
Kenapa / Mengapa	لِيش	Lesy	لِمَاذَا	Limādhā
Bagaimana	شلون / كَيْف	Kīf / Shlon	كَيْفَ	Kaifa
Berapa	قَدِيش	Geddesh	كَمْ	Kam
Bila	ايمْتَى	Imtā	مَتَى	Matā
Di mana	وِين	Wen	أَيْنَ	Aina
Dari mana	منين	Menin	مِنْ أَيْنَ	Min Aina
Ke mana	لَوِين	Lawen	إِلَى أَيْنَ	Ila aina

 **Keterangan:**

1. Partikel قَدِيش (geddesh) adalah singkatan daripada (قدر - أي - شيء) dalam BAS yang bermaksud **berapa** dalam DJ. Penggunaannya juga boleh digantikan dengan اَكْمِن (akammin) dengan membawa maksud yang sama.
2. Partikel مَنِين (menin) adalah gabungan daripada (من - أين) dalam BAS yang bermaksud **dari mana** dalam DJ.
3. Perkataan seerti bagi لِيش (lesh) ialah لَوِيش (lawesh) atau لَوِيَه (laweh) atau عَشَانِ اِيش (ashan esh).

قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش
قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش
قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش
قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش
قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش
قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش
قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش
قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش
قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش
قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش	قَدِيش

02

NOMBOR KARDINAL

Bilangan	DJ	Transliterasi	BAS	Transliterasi
1	وَاحِدٌ	Wāhed	وَاحِدٌ	Wāhid
2	تَيْنِ	Tenīn	اِثْنَيْنِ	Ithnain
3	ثَلَاثٌ	Talāt	ثَلَاثَةٌ	Thalāthah
4	أَرْبَعٌ	Arba [°]	أَرْبَعَةٌ	Arba [°] ah
5	خَمْسٌ	Khams	خَمْسَةٌ	Khamsah
6	سِتٌّ	Sitt	سِتَّةٌ	Sittah
7	سَبْعٌ	Sab [°] a	سَبْعَةٌ	Sab [°] ah
8	تَمَانٌ	Tamān	ثَمَانِيَةٌ	Thamāniah
9	تِسْعٌ	Tis [°]	تِسْعَةٌ	Tis [°] ah
10	عَشْرٌ	°Asyar	عَشْرَةٌ	°Asyarah
11	إِحْدَشٌ	Ihdash	أَحَدٌ عَشْرٌ	Ahada [°] ashara